

Modul Pembelajaran Kendiri – Pembubaran Perkongsian
Soalan Percubaan SPM Prinsip Perakaunan 2012 - Negeri Melaka

3. Encik Badrol dan Encik Fendi ialah pemilik Perkongsian Pintar, menjalankan perniagaan di Bandar Hilir, Melaka. Mereka bersetuju berkongsi untung atau rugi perkongsian mengikut nisbah 3:1.

Pada 31 Mei 2012, mereka ingin membubarkan perkongsian mereka disebabkan Encik Badrol menghidap penyakit jantung.

Kedudukan kewangan Perkongsian Pintar pada 31 Mei 2012 adalah seperti berikut:

Perkongsian Pintar			
Kunci Kira-kira pada 31 Mei 2012			
	RM		RM
Kenderaan	40 000	Modal: Encik Badrol	60 000
Perabot	8 400	Encik Fendi	30 000
Alatan Pejabat	8 380	Pemiutang	4 280
Penghutang	1 500	Sewa terakru	700
Stok	9 600		
Pelaburan	5 000		
Bank	22 100		
	94 980		94 980

Perkara-perkara berikut berlaku semasa proses pembubaran:

- (i) Kenderaan direalis pada harga RM35 000.
- (ii) Perabot dan stok dijual pada harga RM12 000.
- (iii) Pelaburan diambil alih oleh Encik Badrol pada harga RM5 000.
- (iv) Encik Fendi bersetuju mengambil alih alatan pejabat bernilai RM7 100.
- (v) Baki penghutang telah dikutip kecuali RM200 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (vi) Belanja realisasi sebanyak RM800 telah dibayar.
- (vii) Pemiutang dijelaskan sebanyak RM3 980 dan sewa terakru dijelaskan sepenuhnya.
- (viii) Penerimaan dan pembayaran menggunakan cek.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi
- (b) Akaun Modal setiap pekongsi
- (c) Akaun Bank
- (d) Berikan 2 sebab berlakunya pembubaran

Nota ringkas:

Format Akaun Realisasi

Dt.	Akaun Realisasi	Kt.
Aset yang ditutup Belanja Realisasi		Hasil realisasi
Untung realisasi		Rugi realisasi

Hasil realisasi ialah:

- i. Jualan aset bukan semasa ketika pembubaran
- ii. Aset yang diambil alih oleh pekongsi
- iii. Kutipan daripada penghutang
- iv. Diskaun diterima daripada pemiutang

Belanja realisasi ialah:

- i. Butiran belanja realisasi
- ii. Belanja lain yang baru ditemui sewaktu pembubaran

Langkah menjawab:

LANGKAH 1: Buka ketiga-tiga Akaun Realisasi, Akaun Modal dan Akaun Bank serentak. Ini kerana kebanyakan catatan adalah bergu, jadi pelajar boleh merekod terus ke dalam dua akaun dan menjimatkan masa. Juga masukkan baki-baki akaun tersebut (rujuk Kunci Kira-kira)

a)

Akaun Realisasi	
RM	RM

b)

Akaun Modal				
Badrol	Fendi		Badrol	Fendi
		Baki b/b	60 000	30 000

c)

Akaun Bank	
RM	RM
Baki b/b	22 100

LANGKAH 2: Rekodkan proses pembubaran. Ikuti prosedur yang akan diterangkan.

Langkah 1 pembubaran: Menutup semua akaun aset di dalam Kunci Kira-kira **kecuali** tunai dan bank seperti berikut.

a)		Akaun Realisasi	
	RM		RM
Kenderaan	40 000		
Perabot	8 400		
Alatan Pejabat	8 380		
Penghutang	1 500		
Stok	9 600		
Pelaburan	5 000		

Langkah 2 pembubaran: Selesaikan satu-persatu proses pembubaran di dalam soalan. Kenalpasti setiap satu proses itu sama ada ianya *Hasil Realisasi (Realisasi - Kredit)*, *Belanja Realisasi (Realisasi – Debit)* atau pembayaran hutang.

(i) Kenderaan direalis* pada harga RM35 000.

Huraian: Ini adalah hasil realisasi (**Realisasi – Kredit**). Bergunanya adalah **Akaun Bank (debit)** kerana melibatkan penerimaan tunai (cek). *Perkataan direalis bermaksud dijual.

a)		Akaun Realisasi	
	RM		RM
Kenderaan	40 000	Bank	35 000
Perabot	8 400		
Alatan Pejabat	8 380		
Penghutang	1 500		
Stok	9 600		
Pelaburan	5 000		

c)		Akaun Bank	
	RM		RM
Baki b/b	22 100		
Realisasi	35 000		

(ii) Perabot dan stok dijual pada harga RM12 000.

Huraian: Ini adalah hasil realisasi (**Realisasi – Kredit**). Bergunanya adalah **Akaun Bank (debit)** kerana melibatkan penerimaan tunai (cek).

a)		Akaun Realisasi	
	RM		RM
Kenderaan	40 000	Bank	35 000
Perabot	8 400	Bank	12 000
Alatan Pejabat	8 380		
Penghutang	1 500		
Stok	9 600		
Pelaburan	5 000		

c) Akaun Bank		
	RM	RM
Baki b/b	22 100	
Realisasi	35 000	
Realisasi	12 000	

(iii) Pelaburan diambil alih oleh Encik Badrol pada harga RM5 000.

Huraian: Ini adalah hasil realisasi (**Realisasi – Kredit**). Bergunanya adalah **Akaun Modal (debit)** kerana pekongsi mengambil alih aset.

a) Akaun Realisasi		
	RM	RM
Kenderaan	40 000	Bank 35 000
Perabot	8 400	Bank 12 000
Alatan Pejabat	8 380	Modal Badrol 5 000
Penghutang	1 500	
Stok	9 600	
Pelaburan	5 000	

b) Akaun Modal					
	Badrol	Fendi		Badrol	Fendi
Realisasi	5 000		Baki b/b	60 000	30 000

(iv) Encik Fendi bersetuju mengambil alih alatan pejabat bernilai RM7 100.

Huraian: Ini adalah hasil realisasi (**Realisasi – Kredit**). Bergunanya adalah **Akaun Modal (debit)** kerana pekongsi mengambil alih aset.

a) Akaun Realisasi		
	RM	RM
Kenderaan	40 000	Bank 35 000
Perabot	8 400	Bank 12 000
Alatan Pejabat	8 380	Modal Badrol 5 000
Penghutang	1 500	Modal Fendi 7 100
Stok	9 600	
Pelaburan	5 000	

b) Akaun Modal					
	Badrol	Fendi		Badrol	Fendi
Realisasi	5 000		Baki b/b	60 000	30 000
Realisasi		7 100			

(v) **Baki penghutang telah dikutip kecuali RM200 dihapuskan sebagai hutang lapuk.**
Huraian: Ini adalah hasil realisasi (**Realisasi – Kredit**). Bergunya adalah **Akaun Bank (debit)** kerana melibatkan penerimaan tunai (cek).

a) **Akaun Realisasi**

	RM		RM
Kenderaan	40 000	Bank	35 000
Perabot	8 400	Bank	12 000
Alatan Pejabat	8 380	Modal Badrol	5 000
Penghutang	1 500	Modal Fendi	7 100
Stok	9 600	Bank	1 300
Pelaburan	500		

RM1500 – RM200

c) **Akaun Bank**

	RM		RM
Baki b/b	22 100		
Realisasi	35 000		
Realisasi	12 000		
Realisasi	1 300		

(vi) **Belanja realisasi sebanyak RM800 telah dibayar.**
Huraian: Ini adalah belanja realisasi (**Realisasi – Debit**). Bergunya adalah **Akaun Bank (kredit)** kerana melibatkan pembayaran tunai (cek).

a) **Akaun Realisasi**

	RM		RM
Kenderaan	40 000	Bank	35 000
Perabot	8 400	Bank	12 000
Alatan Pejabat	8 380	Modal Badrol	5 000
Penghutang	1 500	Modal Fendi	7 100
Stok	9 600	Bank	1 300
Pelaburan	5 000		
Bank	800		

c) **Akaun Bank**

	RM		RM
Baki b/b	22 100	Realisasi	800
Realisasi	35 000		
Realisasi	12 000		
Realisasi	1 300		

(vii) **Pemiutang dijelaskan sebanyak RM3 980 dan sewa terakru dijelaskan sepenuhnya.**

Huraian: Butiran ini ialah perniagaan menjelaskan hutangnya kepada pemiutang dan juga membayar sewa terakru (**Akaun Bank – Kredit**). Diskaun diterima daripada pemiutang ialah hasil realisasi (**Realisasi – Kredit**).

a) **Akaun Realisasi**

	RM		RM
Kenderaan	40 000	Bank	35 000
Perabot	8 400	Bank	12 000
Alatan Pejabat	8 380	Modal Badrol	5 000
Penghutang	1 500	Modal Fendi	7 100
Stok	9 600	Bank	1 300
Pelaburan	5 000	Diskaun diterima	300
Bank	800		

RM4280 - RM3980

c) **Akaun Bank**

	RM		RM
Baki b/b	22 100	Realisasi	800
Realisasi	35 000	Pemiutang	3 980
Realisasi	12 000	Sewa terakru	700
Realisasi	1 300		

Langkah 3 Pembubaran: Setelah selesai merekod proses pembubaran soalan, sekarang pelajar perlu **mengira untung atau rugi realisasi**. Langkahnya sama seperti mengimbangkan akaun dan angka pengimbang itu kemudiannya perlu dibahagikan kepada para pekongsi mengikut nisbah kongsi untung rugi yang dinyatakan di dalam soalan.

a) **Akaun Realisasi**

	RM		RM
Kenderaan	40 000	Bank	35 000
Perabot	8 400	Bank	12 000
Alatan Pejabat	8 380	Modal Badrol	5 000
Penghutang	1 500	Modal Fendi	7 100
Stok	9 600	Bank	1 300
Pelaburan	5 000	Diskaun diterima	300
Bank	800	Modal Badrol	9 735
		Modal Fendi	3 245
	73 680		73 680

Nota jawapan:

Berdasarkan Akaun Realisasi di atas, jumlah debit (Belanja Realisasi) ialah RM73 680. Jumlah kredit (Hasil Realisasi) pula ialah RM60 700. Jadi, angka pengimbang akan berada di sebelah kredit.

Belanja Realisasi melebihi Hasil Realisasi, oleh itu pekongsi akan berkongsi **Rugi Realisasi** sebanyak **RM12 980** (RM60700 - RM73680).

Agihan rugi realisasi kepada pekongsi dikira seperti berikut:

Badrol = $RM12\,980 \times \frac{3}{4} = RM9\,735$

Fendi = $RM12\,980 \times \frac{1}{4} = RM3\,245$

Badrol : Fendi
3 : 1

Langkah 4 Pembubaran: Rugi realisasi (atau untung realisasi) tersebut akan dipindahkan ke Akaun Modal pekongsi secara bergu seperti dibawah:

a) Akaun Realisasi

	RM		RM
Kenderaan	40 000	Bank	35 000
Perabot	8 400	Bank	12 000
Alatan Pejabat	8 380	Modal Badrol	5 000
Penghutang	1 500	Modal Fendi	7 100
Stok	9 600	Bank	1 300
Pelaburan	5 000	Diskaun diterima	300
Bank	800	Modal Badrol	9 735
		Modal Fendi	3 245
	73 680		73 680

*Akaun Realisasi telah siap pada langkah ini.

b) Akaun Modal

	Badrol	Fendi		Badrol	Fendi
Realisasi	5 000		Baki b/b	60 000	30 000
Realisasi		7 100			
Realisasi	9 735	3 245			

Langkah 5 Pembubaran: Sekarang pelajar perlu mengira modal dibayar balik kepada pekongsi (atau pekongsi membawa masuk modal). Caranya ialah dengan **mengimbangkan Akaun Modal dan dibergukan dengan Akaun Bank.**

b) Akaun Modal

	Badrol	Fendi		Badrol	Fendi
Realisasi	5 000		Baki b/b	60 000	30 000
Realisasi		7 100			
Realisasi	9 735	3 245			
Bank	45 265	19 655			
	60 000	30 000		60 000	30 000

c) Akaun Bank

	RM		RM
Baki b/b	22 100	Realisasi	800
Realisasi	35 000	Pemiutang	3 980
Realisasi	12 000	Sewa terakru	700
Realisasi	1 300	Modal Badrol	45 265
		Modal Fendi	19 655
	70 400		70 400

Jumlah Akaun Bank akan sama debit dan kredit. Selesai proses menjawab.

Selamat Mengulangkaji